Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 3, e001328
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1328

Keberkesanan Peta Pemikiran (i-THINK) Terhadap Mata Pelajaran Sejarah dalam kalangan Pelajar Tingkatan 2

(The Effectiveness of Mind Map Technique (i-THINK) on the Form 2 Students in Kuala Terengganu District)

Mohd Sirajuddin[1*], Abd Razaq Ahmad[2], Shakila Che Dahalan[3]

[1]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: Sirajuddin.Zakaria@gmail.com
[2]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: razaq@ukm.edu.my
[3]Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.
Email: shakilacd@fsk.upsi.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Mohd Sirajuddin
(Sirajuddin.Zakaria@gmail.com)

KATA KUNCI:
Peta pemikiran (i-THINK)
Pencapaian pelajar
Pencapaian subjek Sejarah

KEYWORDS:
i-THINK Mind Maps
Student performance
History subject achievement

CITATION:
Mohd Sirajuddin, Abd Razaq Ahmad, & Shakila Che Dahalan. (2022). Keberkesanan peta pemikiran (i-THINK) terhadap mata pelajaran Sejarah dalam kalangan pelajar tingkatan 2. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(3), e001328.
https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1328

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan penggunaan peta pemikiran dalam mata pelajaran Sejarah bagi pelajar tingkatan dua. Selain itu, kajian ini juga melihat sama ada terdapat peningkatan pencapaian pelajar yang diajar dengan menggunakan peta pemikiran (i-THINK) . Seterusnya, kajian ini menentukan tahap pengetahuan sejarah bagi kumpulan kawalan dan rawatan, dan sejauh mana perbezaan pengetahuan sejarah menggunakan peta pemikiran berdasarkan jantina. Kajian ini telah dijalankan di sebuah sekolah di Kuala Nerus, Terengganu. Kajian dijalankan secara kuantitatif dengan sampel kajian terdiri daripada 50 orang pelajar. Teknik peta pemikiran dipilih sebagai pemboleh ubah tidak bersandar manakala pencapaian Sejarah sebagai pemboleh ubah bersandar. Kajian ini menggunakan satu set soalan untuk ujian pra dan pasca. Analisis data dilakukan dengan menggunakan statistik inferensi dan statistik deskriptif. Hasil dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap min pencapaian pelajar dalam ujian pra dan pasca antara jantina. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan wujudnya perbezaan yang signifikan terhadap min pencapaian pelajar dalam ujian pra dan pasca. Manakala tahap penerimaan pelajar terhadap peta konsep adalah pada tahap sederhana positif. Secara keseluruhannya, peta konsep memberi sumbangan dalam meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah.

ABSTRACT

The purpose of this research was to examine the effectiveness of mind map towards students for History subject in Form 2. Besides that, this research also examined

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

whether using mind map would increase students' performance. Furthermore, this research also studied students' knowledge level for the control and the differentiation between the history knowledge using mind map (i-THINK) based on the gender. This research was conducted in a school at Kuala Nerus, Terengganu. This research employed a quantitative method with the research sample of 50 students. Mind map was chosen as a dependent variable whereas History subject achievement as independent variable. The research used sets of multiple choice tests as the pretest and post test questionnaires to view students' acceptance towards mind map. Data analysis was performed using inferential and descriptive statistics. The research result showed that there was no significant difference in the means of achievement between genders in the pre and post-test. Meanwhile, there was a significant difference in the mean achievement of the pre-test and post-test. The students' acceptance towards mind map was positive-medium. Overall, mind map was efficient in increasing students' performance in History subject.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini berjaya menunjukkan bahawa terdapat perubahan prestasi pelajar dalam pembelajaran subjek Sejarah dengan menggunakan kaedah peta minda. Selain itu, kajian ini juga membantu memberikan pemahaman dengan lebih mendalam dalam subjek Sejarah dengan mengetengahkan peta minda sebagai salah satu kaedah dalam pembelajaran.

1. Pengenalan

Sejarah merupakan mata pelajaran teras yang wajib lulus bagi pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Sejarah juga merupakan mata pelajaran yang dilihat berat oleh sesetengah pelajar kerana sukar difahami dan membosankan,justeru itu cara penyampaian atau pengajaran yang dibawa oleh guru kepada pelajar adalah sangat penting untuk meningkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah ini.

Mata pelajaran Sejarah mengandungi pelbagai maklumat yang sering kali menjadikannya sukar bagi para pelajar untuk memahami dan mengingatinya. Kecerdasan pelajar serta daya pemikiran mereka dapat dicorakkan dengan konsep ini. Namun, sesuatu konsep itu tidak akan difahami oleh pelajar jika mereka tidak mengetahui makna atau maksud di sebalik perkataan yang dicatat. Konsep mempunyai jalinan bersama fakta kerana sesuatu konsep itu dikembangkan daripada set maklumat, data serta fakta (Abdul Rahim, 2000). Oleh sebab kaedah peta minda merupakan bahagian yang penting dalam proses pembelajaran, maka teknik pembelajaran yang terperinci dan berkesan diperlukan bagi memudahkan para pelajar memahirkan diri dalam penggunaan peta minda tersebut.

Terdapat kajian lepas yang menyatakan bahawa isi pengajaran dan pembelajaran yang mempunyai pelbagai kronologi serta fakta dan jalan cerita yang pelbagai telah menyukarkan pelajar untuk memahami dan meminati mata pelajaran Sejarah (Khairuddin, 2011).

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Pengajaran dan pembelajaran ini akan dilakukan oleh guru mata pelajaran Sejarah. Justeru, aplikasi peta minda dalam mata pelajaran Sejarah sangat sesuai diaplikasikan dalam mata pelajaran ini. Ini adalah kerana pelajar akan lebih senang untuk memahami sesuatu maklumat apabila ianya mudah untuk dibaca. Pendapat yang selari dikemukakan oleh Abdul Rahim (2000) yang menyatakan bahawa pemikiran pelajar serta daya ingatan pelajar dipengaruhi oleh penggunaan peta minda yang dibina. Oleh sebab itu, pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah secara tidak langsung akan meningkat apabila teknik peta minda digunakan. Pelajar menjadi lebih fokus dan boleh melakukan analisa serta mereka lebih mudah memahami topik yang diajar.

Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan ini amatlah penting untuk menganalisis keberkesanan teknik peta minda terhadap pemikiran dan daya ingatan pelajar tingkatan 2.

2. Kajian Literatur

Peta minda merupakan suatu kaedah yang sesuai digunakan bagi memecah dan membahagikan sesuatu maklumat supaya ianya lebih mudah difahami oleh pelajar. Ayat dalam bentuk karangan yang panjang dan berterusan adalah lebih sukar untuk difahami berbanding kaedah peta minda. Dalam mata pelajaran Sejarah, terdapat pelbagai fakta yang dirumuskan dalam bentuk ayat, maka pelajar perlu membaca dengan teliti dan fokus agar dapat memahami isi kandungannya. Kaedah memahami kandungan dengan membaca ayat di dalam bentuk karangan akan menyebabkan berlakunya kebosanan di kalangan pelajar seterusnya membuatkan mereka berasa tertekan dan tidak berminat mempelajari mata pelajaran Sejarah (Taha, 2004). Sebaliknya, fakta menjadi lebih mudah difahami serta ringkas apabila peta minda yang mempunyai ciri menarik dan kreatif seperti kata kunci, warna dan simbol digunakan.

Sungguhpun Kementerian Pendidikan menekankan penguasaan mata pelajaran Sejarah bagi melahirkan pelajar yang cemerlang, masalah yang sama sentiasa berulang iaitu mata pelajaran Sejarah ini masih tidak dapat dikuasai oleh pelajar dengan baik (Tor, 2004). Kaedah pengajaran yang membosankan dan tidak menarik menjadi punca kepada pelajar menjadi kurang berminat dengan mata pelajaran Sejarah. Walaupun Sejarah dilihat sebagai mata pelajaran yang penting dalam melahirkan modal insan yang baik, masalah dalam mempelajari Sejarah ini masih membelenggu para pelajar pada masa kini. Guru juga didapati masih menggunakan kaedah lama seperti menghafal, bercerita, berbincang dan pelbagai lagi kaedah lain yang membuatkan pelajar menjadi mudah bosan. Masalah berkaitan pengajaran dan pembelajaran ini boleh diselesaikan tetapi guru haruslah memainkan peranan yang penting sebelum ianya boleh berjaya dilaksanakan (Sabar & Khalid, 2005).

Terdapat beberapa rintangan dan halangan yang perlu dihadapi dalam mempelajari Sejarah yang menyebabkan berlakunya kemerosotan prestasi di kalangan pelajar. Halangan-halangan tersebut termasuklah guru yang terlalu mementingkan peperiksaan, pengajaran bersifat tradisional, aktiviti pembacaan yang berbentuk bacaan, mengingati serta kebergantungan kepada buku teks sahaja menyebabkan sukar untuk menentukan objektif mempelajari Sejarah yang berdasarkan kemahiran (Rahmat, 2003). Pelajar akan lebih bersikap stereotaip dan kurang inovatif apabila buku teks digunakan secara berlebihan. Kebanyakan aktiviti pembelajaran yang berlaku adalah lebih kepada menghafal fakta semata-mata tanpa memahami dengan lebih mendalam kesan dan implikasi pembelajaran tersebut kepada pelajar. Ini menjadikan para pelajar tidak dapat

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

diajar oleh guru mereka untuk mengkaji dan membaca dari sumber yang berlainan. Selain itu, trend pembelajaran sejarah yang tidak meningkat berpunca daripada guru yang tidak kreatif, tidak mempunyai pengetahuan yang luas serta tidak mempunyai kemahiran yang cukup untuk mengajar mata pelajaran Sejarah terutamanya.

Poh (2005) menyatakan bahawa peta minda dapat membantu pelajar untuk mencatat nota dengan pantas dan mengelakkan pengulangan perkataan. Nota tersebut wujud sebagai satu gambaran mental yang lengkap, bermakna dan senang diingati.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Aziz dan Jair (2009) bertajuk "Penggunaan Peta Konsep untuk Meningkatkan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah bagi Pelajar Tingkatan 2" menyatakan bahawa berlakunya perubahan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah selepas diberikan pendedahan berkenaan penggunaan peta minda (i-THINK). Setelah diajar menggunakan peta minda (i-THINK), pencapaian pelajar meningkat dan terdapat kesan positif dalam pelajaran mereka.

Masa pertemuan guru Sejarah bersama pelajar adalah hanya tiga kali dalam seminggu iaitu bersamaan dengan 120 minit seminggu. Di dalam seminggu, Sejarah merupakan mata pelajaran yang mempunyai masa paling singkat pertemuannya berbanding mata pelajaran yang lain.

Berdasarkan masa yang diperuntukkan oleh Kementerian Pendidikan, pelbagai kerja harus dilaksanakan oleh guru seperti menyemak buku latihan, kerja kursus serta aktiviti lain. Jumlah isi kandungan sukatan pelajaran Sejarah tingkatan 2 adalah 11 bab dan ini amatlah banyak. Tambahan lagi, keadaan ini menjadi semakin kurang baik apabila guru lebih menekankan kecemerlangan dari segi pencapaian peperiksaan semata-mata. Ini menyebabkan pelajar menjadi semakin kurang berminat dalam mempelajari mata pelajaran Sejarah.

2.1. Teori Pembelajaran Peta Minda

Teori pembelajaran peta pemikiran bersandarkan kepada Teori Konstruktivisme diperkenalkan oleh Lev Vygotsky. Teori pembelajaran yang diperkenalkan ini selari dengan pandangan M. Snyder (2009) terhadap Teori Konstruktivisme yang menyatakan bahawa dengan menggabungkan maklumat baharu dengan pengetahuan dan pengalaman sedia ada, murid dapat mengkonstruk pembelajaran mereka sendiri seperti membina peta pemikiran (i-Think). Selain itu, Nair dan Muthiah (2005) juga menyatakan secara jelas bahawa melalui teori tersebut, murid dapat meningkatkan pemahaman mereka dalam sesuatu perkara. Maka, dalam konteks kajian ini, peningkatan pemahaman ialah terhadap mata pelajaran Sejarah melalui pembinaan peta pemikiran (i-THINK).

3. Metod Kajian

Kajian ini dikendalikan bagi melihat sejauh mana keberkesanan kaedah penggunaan peta minda dalam kalangan pelajar tingkatan 2 di daerah Kuala Terengganu, Terengganu. Perbandingan dibuat antara dua kaedah pengajaran iaitu penggunaan peta minda dan pengajaran biasa (tradisional). Oleh yang demikian, kaedah kuantitatif digunakan bagi mengumpul data dalam kajian ini.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)

3.1. Sampel Kajian

Persampelan adalah berkaitan dengan proses di mana sebilangan subjek dari populasi dipilih sebagai responden. Bagi maksud kajian ini, sampel adalah terdiri daripada pelajar tingkatan 2 dari dua buah kelas iaitu Ibn Amir dan Ibn Asim. Sampel kajian dipilih daripada 50 orang pelajar di mana kesemuanya mengambil mata pelajaran Sejarah. Pelajar dipecahkan kepada dua kumpulan iaitu sekumpulan mengikuti kaedah biasa dalam pembelajaran (kumpulan kawalan) dan sekumpulan lagi belajar dengan menggunakan kaedah peta minda (kumpulan rawatan). Setiap kumpulan terdiri daripada 25 orang pelajar.

3.2. Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman, Terengganu. Sekolah ini merupakan sebuah sekolah agama rakyat di bawah Jabatan Agama Islam Negeri Terengganu dan mengikut sukatan pelajaran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sekolah ini terletak di Kampung Tok Jiring iaitu kira-kira 10 km daripada bandar Kuala Terengganu. Sekolah ini mempunyai pelajar tingkatan 1 sehingga 5 serta STAM seramai 500 orang.

3.3. Instrumen Kajian

Kaedah kuantitatif digunakan dalam kajian ini. Ujian pra dan pasca serta soal selidik merupakan instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data bagi kajian ini. Satu set soal selidik yang terdiri daripada 17 item dikemukakan kepada responden untuk dilengkapkan. Item yang digunakan dalam soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian iaitu demografi, amalan kemahiran aplikasi, amalan kemahiran analisis dan amalan kemahiran menilai. Tempoh 45 minit diberikan kepada responden untuk menjawab soalan kajian.

3.4. Tatacara Pemerolehan Data

Pembelajaran bagi kedua-dua kelas iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen dilaksanakan sendiri oleh pengkaji untuk mengelakkan campur tangan dan penglibatan guru. Langkah seterusnya ialah pelajar diberikan maklumat serta taklimat berkenaan kajian. Pengkaji kemudiannya membahagikan pelajar kepada dua kumpulan. Kumpulan rawatan menggunakan kaedah peta minda dalam proses pembelajaran manakala kumpulan kawalan menggunakan kaedah tradisional dalam pembelajaran. 25 orang pelajar diletakkan bagi setiap kumpulan tersebut. Pelajar-pelajar ini kemudiannya menjalani proses pembelajaran selama dua minggu berturut-turut di mana 5 jam ditetapkan bagi setiap minggu.

Pelajar-pelajar ini melaksanakan ujian pra terlebih dahulu sebelum memulakan pelajaran. Perbezaan bagi dua kumpulan ini hanyalah berkenaan teknik pengajaran sahaja. Selepas proses pengajaran dan pembelajaran bagi kedua-dua kumpulan ini selesai, pengkaji terus melaksanakan ujian pasca. Soalan pasca ujian ini adalah sama dengan soalan pra ujian sebelum ini. Namun begitu, pelajar-pelajar ini tidak dimaklumkan bahawa mereka akan menerima kertas ujian yang sama. Para pelajar ini juga tidak dimaklumkan berkenaan markah ujian pra mereka. Ujian ini adalah untuk melihat kesan kesesuaian kaedah pembelajaran Sejarah terhadap pelajar-pelajar peringkat permulaan mempelajari Sejarah.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

3.5. Tatacara Penganalisisan Data

Perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) diguna pakai untuk menganalisis data tersebut. Analisis data dilakukan menggunakan dua kaedah iaitu Statistik Deskriptif dan Statistik Inferensi. Statistik Deskriptif digunakan untuk menunjukkan markah min serta bentuk peratusan digunakan untuk menjelaskan latar belakang responden. Seterusnya Statistik Inferensi digunakan untuk menguji hipotesis kajian tentang perbezaan pencapaian pelajar mengikut kaedah yang digunakan dan menggunakan analisis ujian taburan t.

4. Dapatan Kajian

Keputusan kajian ini adalah untuk menjawab objektif pertama kajian iaitu menentukan perbezaan pengetahuan Sejarah dalam kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan ujian pra dan pasca. Hasil ujian-t perbandingan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan ujian pra dan pasca dipaparkan dalam Jadual 1.

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan ujian pra terhadap pengetahuan Sejarah

Hasil dapatan keputusan ujian statistik yang dipaparkan dalam Jadual 1 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada skor pengetahuan Sejarah [t = 1.730, p = 0.090], p > 0.05 antara murid kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan ujian pra. Dengan itu Ho1 adalah diterima. Dapatan ini menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan di dalam pengetahuan Sejarah berdasarkan ujian pra antara murid kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

Jadual 1: Perbandingan Pengetahuan Sejarah antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan Berdasarkan Ujian Pra

Ujian Pra	Kumpulan	N	Min	SP	Nilai t	Sig. P
Pengetahuan	Kawalan	25	4.44	.182	1.730	.090
	Rawatan	25	4.36	.166		

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan ujian pos terhadap pengetahuan Sejarah

Hasil dapatan keputusan ujian statistik yang dipaparkan dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pada skor pengetahuan Sejarah [t = -2.759, p = 0.009], p < 0.01 antara murid kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan ujian pos. Dengan itu Ho2 adalah ditolak. Dapatan ini menunjukkan bahawa skor pengetahuan Sejarah berdasarkan ujian pos dalam kalangan murid kumpulan rawatan (min = 4.67, SP = 0.125) adalah lebih tinggi berbanding murid kumpulan kawalan (min = 4.53, SP = 0.202).

Jadual 2: Perbandingan Pengetahuan Sejarah antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan Berdasarkan Ujian Pos

Ujian Pos	Kumpulan	N	Min	SP	Nilai t	Sig. P
Pengetahuan	Kawalan	25	4.53	.202	-2.759	.009
	Rawatan	25	4.67	.125		

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Keputusan kajian ini juga adalah untuk menjawab objektif kedua kajian iaitu mengenal pasti perbezaan pengetahuan Sejarah antara pelajar kumpulan kawalan dan rawatan bagi ujian pos berdasarkan jantina. Hasil ujian-t perbandingan bagi ujian pos antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan berdasarkan jantina dipaparkan dalam Jadual 3.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pengetahuan Sejarah dalam kumpulan kawalan bagi ujian pos berdasarkan jantina

Hasil dapatan keputusan ujian statistik yang dipaparkan dalam Jadual 3 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada skor pengetahuan Sejarah [t = -1.011, p = 0.322], p > 0.05 dalam kalangan murid kumpulan kawalan bagi ujian pos berdasarkan jantina. Dengan itu Ho3 adalah diterima. Dapatan ini menunjukkan tidak ada perbezaan di dalam pengetahuan Sejarah berdasarkan ujian pos antara murid lelaki dan perempuan dalam kalangan murid kumpulan kawalan.

Jadual 3: Ujian-t Perbezaan Pengetahuan Sejarah dalam Ujian Pos Kumpulan Kawalan Berdasarkan Jantina

Kumpulan kawalan	Jantina	N	Min	SP	Nilai t	Sig. P
Pengetahuan dalam ujian pos	Lelaki	13	4.50	.203	-1.011	.322
	Perempuan	12	4.58	.201		

Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pengetahuan Sejarah dalam kumpulan rawatan bagi ujian pos berdasarkan jantina

Hasil dapatan keputusan ujian statistik yang dipaparkan dalam Jadual 4 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada skor pengetahuan Sejarah [t = 1.314, p = 0.202], p > 0.05 dalam kalangan murid kumpulan rawatan bagi ujian pos berdasarkan jantina. Dengan itu Ho4 adalah diterima. Dapatan ini menunjukkan tidak ada perbezaan di dalam pengetahuan Sejarah berdasarkan ujian pos antara murid lelaki dan perempuan dalam kalangan murid kumpulan rawatan.

Jadual 4: Ujian-t Perbezaan Pengetahuan Sejarah dalam Ujian Pos Kumpulan Rawatan Berdasarkan Jantina

Kumpulan rawatan	Jantina	N	Min	SP	Nilai t	Sig. P
Pengetahuan dalam ujian pos	Lelaki	12	4.70	.139	1.314	.202
	Perempuan	13	4.63	.106		

5. Perbincangan

Secara keseluruhannya, keputusan kajian menunjukkan bahawa terdapat maklum balas yang positif hasil penggunaan kaedah peta minda oleh responden. Ini jelas dapat dilihat melalui bukti dari dapatan kajian dan analisa soal selidik yang menunjukkan bahawa min skala bagi kesemua item yang berkaitan dengan minat pelajar terhadap penggunaan peta minda adalah tidak kurang daripada 4.1. Melalui kaedah tersebut dilihat bahawa tiada responden yang menunjukkan sikap tidak suka dengan kaedah tersebut. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pelajar mempunyai minat terhadap pelaksanaan peta minda

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

sebagai salah satu kaedah dalam pembelajaran. Berdasarkan analisa kajian terhadap responden tentang kaedah peta minda, didapati lebih daripada 50% responden memberikan maklum balas bahawa ianya memudahkan dan merupakan penyebab kepada pelajar menyukai kaedah penggunaan peta minda tersebut. Kebanyakan responden di dalam kajian ini menunjukkan trend bersetuju dan positif bahawa penggunaan peta minda menjadikan mereka lebih memahami kandungan Sejarah dengan mudah dan menjadi lebih berminat untuk mempelajarinya.

Selain itu, bentuk peta minda yang ringkas amat sesuai untuk mengulang kaji pelajaran serta hafalan. Mansor et al. (2015) menjelaskan dalam kajiannya bahawa pelajar memahami peta pemikiran (i-THINK) dengan lebih jelas dan secara tidak langsung dapat menarik minat pelajar untuk belajar dan meningkatkan pencapaian mereka.

Kaedah ini juga memudahkan komunikasi antara pelajar dan guru semasa di dalam kelas. Oleh itu, hal ini akan meningkatkan lagi kemahiran komunikasi pelajar dan secara tidak langsung mewujudkan semangat kerjasama di dalam pasukan antara mereka. Selain itu, guru mempunyai tugas dan tujuan iaitu untuk memastikan objektif pembelajaran hari tersebut dapat dicapai. Sehubungan itu, guru seharusnya boleh mengadaptasi kaedah ini dalam pembelajaran seiring dengan peredaran masa.

Merujuk kepada hasil kajian, didapati tidak wujud perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pasca bagi kedua-dua kumpulan kawalan dan eksperimen pada aras keyakinan 0.05. Hasil keputusan statistik Ujian-t menunjukkan perbezaan nilai skor min bagi kedua-dua kumpulan pelajar tidak cukup besar untuk menolak hipotesis. Ini menunjukkan bahawa penggunaan peta minda tidak memberi kesan kepada pelajar dalam mempelajari Sejarah. Namun begitu, hasil analisis Ujian-t bagi perbandingan purata (min) markah ujian sebelum dan selepas penggunaan peta minda dalam pembelajaran Sejarah bagi kumpulan rawatan menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran peta minda memberi kesan terhadap keputusan pelajar. Justeru itu, adalah sangat sesuai apabila guru menggunakan peta minda sebagai salah satu kaedah alternatif kepada pengajaran.

Secara keseluruhannya, pengetahuan dalam amalan kemahiran berfikir aras tinggi murid selepas pelaksanaan pembelajaran Sejarah berbantukan “Kemahiran Peta Minda” dalam kalangan murid kumpulan kawalan tingkatan 2 di daerah Kuala Terengganu, Terengganu mencatatkan min=4.53 dan SP=0.202. Manakala, kumpulan rawatan tingkatan 2 di daerah Kuala Terengganu, Terengganu mencatatkan min=4.67 dan SP=0.125.

6. Implikasi Kajian

Kajian ini diharap dapat memberi dan menambahkan kefahaman pelajar terhadap penggunaan kaedah peta minda dalam pembelajaran. Pelajar ini juga mampu untuk meneliti perkara yang mempengaruhi keberkesanan peta minda ini. Ianya secara tidak langsung mampu memberi maklumat kepada pihak yang berkenaan seperti sekolah, ibu bapa serta jabatan pendidikan untuk merangka teknik yang sesuai bagi pelajar tingkatan 2 supaya cemerlang dalam mata pelajaran Sejarah. Selain itu, dengan kajian ini diharap dapat menghasilkan pelajar yang cemerlang dalam mata pelajaran Sejarah kerana apabila para pelajar dapat menguasai mata pelajaran ini, mereka juga akan mendapat suatu teknik belajar yang dapat diaplikasikan ke dalam subjek lain juga seperti Sains, Matematik dan Ekonomi. Pernyataan ini selari dengan kajian yang dipetik dari Awang et.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

(2014) bahawa mata pelajaran Sejarah mempunyai idea serta konsep yang sukar untuk difahami, oleh itu para pelajar memerlukan suatu metod untuk memahami dan mengaplikasikannya dengan mudah. Konsep ini memainkan peranan penting dalam membentuk daya pemikiran pelajar dengan menggunakan kaedah peta minda di mana segala nota Sejarah yang mempunyai fakta yang panjang serta pelbagai dapat diringkaskan dengan menggunakan pelbagai ciri seperti bentuk, corak dan warna. Selain itu, kaedah ini akan memudahkan pelajar untuk mengingati segala fakta yang telah dipelbagaikan melalui peta minda (Kiong et al., 2010). Hasil dapatan ini juga selari dengan yang dibawa oleh Othman dan Othman (2012) bahawa pencapaian murid semakin meningkat dalam penulisan dengan menggunakan peta minda sebagai bahan bantuan dalam pembelajaran.

7. Kesimpulan

Hasil daripada soal selidik yang diedarkan kepada responden serta dapatan daripada ujian pra dan pasca yang dijalankan, dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pasca bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Namun begitu, hasil perbandingan antara skor min ujian pra dan pasca bagi kumpulan rawatan menunjukkan ujian pasca responden telah meningkat dengan begitu banyak berbanding dengan keputusan ujian pra mereka.

Kesimpulannya, aplikasi peta minda khasnya dalam pembelajaran Sejarah masih lagi berada pada garisan permulaan. Oleh sebab itu, cabaran bagi memastikan kejayaan kaedah ini pada masa akan datang merupakan rintangan yang harus dihadapi oleh guru Sejarah. Warga pendidik dan pelajar khususnya tidak seharus memandang enteng teknik dan kaedah peta minda yang disarankan ini sebaliknya berusaha memperkenalkan kaedah tersebut demi melahirkan pelajar yang kreatif dan inovatif.

Walau bagaimanapun, tidak semua mata pelajaran didapati sesuai menggunakan kaedah ini. Hal ini adalah kerana perbezaan pemikiran bagi setiap golongan, cara pemahaman yang berbeza, waktu belajar dan masa yang berlainan dalam kehidupan seseorang itu menunjukkan bahawa penggunaan sesuatu kaedah ini berkesan kepada seseorang ataupun tidak.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penghargaan kepada Prof. Dato' Dr. Abd Razak Ahmad dan Dr Shakila Che Dahalan atas panduan serta sumbangan idea dalam menjayakan kajian ini. Terima kasih juga kepada responden yang telah memberikan kerjasama sepanjang pelaksanaan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Penulis tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan dalam melaksanakan kajian ini.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan terhadap kajian ini.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rujukan

Abdul Rahim Abd. Rashid. (2000). *Model dan pendekatan pengajaran sejarah KBSM. Kuala Lumpur*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad, K. (2011). *Keberkesanan kaedah peta konsep terhadap pencapaian, sikap dan kemahiran memahami kronologi dalam kalangan pelajar tingkatan empat*. [Tesis, Universiti Kebangsaan Malaysia].

Awang, M. M., Ahmad, A. R., & Rahman, M. M. A. (2014). Penggunaan peta minda oleh pelajar pintar cerdas dalam pembelajaran Sejarah (The use of mind maps by gifted students in learning History). *Jurnal Pendidikan Malaysia, 39*(2), 95–100. https://doi.org/www.academia.edu/35725143/Penggunaan_Peta_Minda_oleh_Pelajar_Pintar_Cerdas_dalam_Pembelajaran_Sejarah_The_Use_of_Mind_Maps_by_Gifted_Students_in_Learning_History

Aziz, Z., & Jair, N. (2009). Penggunaan peta konsep untuk meningkatkan pencapaian mata pelajaran Sejarah bagi pelajar tingkatan dua. *Jurnal Pendidikan Malaysia, 34*(1), 3–15. https://doi.org/journalarticle.ukm.my/207/

Khairuddin Ahmad. (2011). *Keberkesanan kaedah peta konsep terhadap pencapaian, sikap dan kemahiran memahami kronologi dalam kalangan pelajar tingkatan empat* [Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia].

Kiong, T. T., Md Yunos, J., Mohamad, B., Othman, W., & Heong, Y. M. (2010). *Kepentingan peta minda sebagai alat berfikir dalam mengambil nota kuliah*. In: 15th International Conference On Education, 24-27 Mei 2010, Brunei.

M. Snyder, M. (2009). Instructional-Design Theory to guide the creation of online learning communities for adults. *TechTrends, 53*(1), 48–56. https://doi.org/www.researchgate.net/publication/234586639_Instructional-Design_Theory_to_Guide_the_Creation_of_Online_Learning_Communities_for_Adults

Mansor, R., Hassan, H. N., Abdullah, N., & Yussuf, N. A. N. (2015). Keberkesanan Penggunaan I-Think terhadap pencapaian dan minat murid dalam tajuk Sifat Bahan, Sains Tahun 4. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia, 5*(2). https://doi.org/ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPSMM/article/view/2154/1775

Nair, S., & Muthiah, M. (2005). Penggunaan Model Konstrutivitism Lima Fasa Needham dalam pembelajaran Sejarah. *Jurnal Pendidik Dan Pendidikan, 20*, 21–41.

Othman, Y., & Othman, A. H. (2012). Keberkesanan penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran karangan argumentatif di sebuah sekolah menengah arab di negara Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 2*(2), 32–45. https://doi.org/journalarticle.ukm.my/5718/

Poh, S. H. (2005). *Kemahiran berfikir : mengikut sukatan pelajaran*. Kumpulan Budiman.

Rahmat, N. R. (2003). Penghasilan modul pengajaran guru bagi mata pelajaran Sejarah. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. https://doi.org/1library.net/document/q5w00o7q-penghasilan-modul-pengajaran-guru-bagi-mata-pelajaran-sejarah.html

Sabar, S. H., & Khalid, M. H. (2005). Kertas konsep faktor-faktor graduan berkerjaya memilih Kursus Perguruan Lepas Ijazah-Pengkhususan Sekolah Rendah. *Jurnal Penyelidikan MPBL, 6*, 36–49.

Sardangi, A., & Jamian, A. R. (2017). Penggunaan peta pemikiran I-Think dalam pemahaman KOMSAS BahasaMelayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Taha, M (2004). Belajar cara mudah. Peningkatan minda. Pusat Pengajian Umum Bangi, UKM.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Tor, G. H. (2004). *Masalah pembelajaran Sejarah: Satu kajian tindakan*. In UUM Repository. https://doi.org/repo.uum.edu.my/id/eprint/5947/

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).